

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

EBS 211/3 - Geologi III

Masa: (3 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab soalan 1 dan EMPAT soalan lain.

Kertas soalan ini mengandungi ENAM (6) soalan semuanya.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.

1. Beri takrif serakan. Bincangkan kepentingan serakan di dalam carigali mendapan mineral di permukaan bumi atau disubpermukaan bumi. Nyatakan batasan-batasan pensampelan yang terdapat di dalam usaha carigali kimia mendapan mineral.

(20 markah)

2. Jika anda ditugaskan sebagai ketua projek carigali mendapan bijih emas di Kuala Lipis, Pahang nyatakan satu persatu langkah-langkah yang perlu anda lakukan sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja lapangan.

[Urutan langkah-langkah tersebut mestikah logik dan tersusun].

(20 markah)

3. Carigali di tropik seringkali menimbulkan beberapa masalah teknikal jika dibandingkan dengan temperat. Bincangkan dari sudut carigali geokimia.

(20 markah)

4. Tulis nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut:

- i] Nilai anomali
- ii] Nilai latar
- iii] Nilai ambang
- iv] Kontras
- v] Kelincahan
- vi] Anomali bocor
- vii] Serakan hidromorfik
- viii] Survei orientasi
- ix] Survei awal
- x] Survei terperinci

(20 markah)

5. Jika anda diminta mencarigali bijih kuprum seperti di lombong Mamut, Sabah di suatu tempat di Malaysia, kriteria-kriteria bagaimanakah akan anda pilih di dalam membuat pemilihan kawasan yang berpotensi mengandungi bijih kuprum?

(20 markah)

6. Bincangkan peranan dan kepentingan luluhawa dalam carigali geokimia.

(20 markah)

~oooOooo~

